

**SPESIFIKASI TEKNIKAL****SEBUTHARGA BIL. 24/2017:  
PERKHIDMATAN MENERBIT DAN MEMBEKAL VIDEO KORPORAT SME CORP.  
MALAYSIA**

Garis panduan ini adalah untuk Pembekal yang ingin menawarkan sebutharga bagi menerbit dan membekal “Video Korporat SME Corp. Malaysia”. Pembekal adalah dikehendaki menyediakan perkhidmatan kepada SME Corp. Malaysia yang meliputi perkara-perkara berikut:

- I. **Menyediakan Konsep Kreatif dan Reka Bentuk.**
- II. **Menerbitkan Video Korporat yang mengandungi maklumat terkini, rakaman video bangunan SME Corp. Malaysia & Hab PKS.**
- III. **Menerbitkan dua (2) unit video rasmi dalam versi Bahasa Melayu dan versi Bahasa Inggeris.**
- IV. **Membekal 2 salinan Video Korporat SME Corp. Malaysia yang telah diluluskan dalam bentuk DVD dan *pendrive* (format mpeg & Mov.file).**
- V. **Menyerahkan Salinan Induk (*Master Copy*) (fail yang boleh diedit semula) kepada SME Corp. Malaysia.**
- VI. **Menyerahkan juga salinan rakaman video bangunan SME Corp. Malaysia & Hab PKS sahaja dalam format mpeg.**

**A. SKOP KERJA****I. Konsep Kreatif dan Reka Bentuk****1. Penyediaan Konsep Kreatif dan Reka Bentuk:**

Pembekal hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi di dalam penyediaan “Video Korporat SME Corp. Malaysia”:

- i. Menyediakan **tiga (3) Konsep Kreatif** berserta **storyboard** untuk dipilih oleh pihak SME Corp. Malaysia.
- ii. Perkhidmatan merekabentuk video korporat mengikut konsep **storyboard** dan spesifikasi yang telah dipersetujui di mana perkhidmatan yang ditawarkan adalah merangkumi **video production, animation & editing, music production & editing, mixing & mastering, talents & studio dan materials.**
- iii. Konsep Kreatif dan **storyboard** yang dicadangkan perlu berasaskan:
  - a) Peranan SME Corp. Malaysia dalam membangunkan PKS di Malaysia.
  - b) Melambangkan imej SME corp. Malaysia.
- iv. Memberikan hasil animasi 2D & 3D untuk paparan teks bagi tajuk-tajuk program, statistik (jadual & carta).
- v. Perkhidmatan ini dijangka siap sepenuhnya pada akhir bulan Februari 2018.

- vi. Video korporat ini akan terdiri daripada dua (2) versi iaitu versi Bahasa Melayu dan versi Bahasa Inggeris dalam bentuk video rasmi.

### 2. Spesifikasi Video:

- i. Konsep : Moden, berimej korporat dan menggunakan rakaman video & ada elemen animasi 2D &3D
- ii. Tempoh masa : 5 minit
- iii. Jumlah Video : Keseluruhan dua (2) Video  
(*setiap satu video rasmi mempunyai 2 video iaitu dalam versi Bahasa Melayu dan versi Bahasa Inggeris.*)
- iv. Bahasa : Dwibahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris)
- v. 2D & 3D animasi : 2D & 3D animasi bagi carta atau *highlight* yang akan diletakkan di dalam video. (statistik & lampiran akhbar)
- vi. Rakaman Video :  
- Rakaman video dan teknikal  
- Rakaman bangunan SME Corp. Malaysia & Hab PKS (kawasan Lembah Klang sahaja)
- vii. Format : Full HD 1080p (menggunakan kamera HD)  
HD Mastering: 2 salinan DVD, mpeg & Mov.file
- viii. Kumpulan Produksi : Pengarah Video, Pengurus Produksi, Jurukamera, Juruaudio, Lighting Man dan lain-lain krew produksi
- ix. Lain-lain : Contoh video / pengalaman menghasilkan video oleh penyebutharga (*hard copy/ pautan*).
  - Mengemukakan konsep / *story board* dan skrip video (3 pilihan)
  - *Interview*
  - *Offline & Online editing*
  - *Photo & Video editing & touch-up*
  - *Color, graphics, effect & music editing*
  - *Voice Over* (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris)  
-Talent perlu disediakan oleh pembekal.

- *Draft preview* sekurang-kurangnya 5 kali
  - *Final editing*
- x. Jangkaan siap : Akhir Februari 2018

**3. Gambar Imej dari *Image Bank*:**

- i. SME Corp. Malaysia akan menyediakan gambar yang berkaitan dengan aktiviti yang dianjurkan oleh SME Corp. Malaysia sahaja.
- ii. Pembekal perlu menyediakan imej dari *image bank* dan ilustrasi *vector* di mana kos penggunaan imej dari *image bank* tersebut adalah ditanggung oleh Pembekal.

**4. Proses Semakan dan Pembedulan:**

Pembekal adalah dikehendaki menjalankan proses semakan dan pembedulan sekiranya ada berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia.

**B. JADUAL PEMATUHAN**

(Pembekal dikehendaki meletakkan tanda ✓ di kolum kosong bagi memastikan pematuhan skop kerja serta syarat-syarat yang dikenakan).

BIL.	BUTIRAN KERJA	PEMATUHAN (Sila ✓ atau X)	CATATAN
<b>A</b>	<b>PENYEDIAAN KONSEP KREATIF DAN STORYBOARD</b>		
A1	Menyediakan Konsep Kreatif dan <i>storyboard</i> yang memaparkan idea dan kandungan yang perlu ada di dalam video korporat SME Corp. Malaysia (mengemukakan <b>sekurang-kurangnya 3 cadangan</b> )		
A2	Contoh video / pengalaman menghasilkan video ( <i>hard copy</i> / pautan)		
<b>B</b>	<b>KERJA-KERJA KAWALAN KUALITI</b>		
B1	Menyemak dan memastikan tiada kesalahan ejaan dan data pada graf / diagram / carta / jadual dan sebagainya.		
B2	Menyediakan muzik latarbelakang video yang menarik, bersemangat dan <i>crescendo</i> .		

LAMPIRAN A

BIL.	BUTIRAN KERJA	PEMATUHAN (Sila ✓ atau X)	CATATAN
<b>C</b>	<b>SPESIFIKASI VIDEO</b>		
C1	Versi: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Versi Bahasa Melayu; dan</li> <li>• Versi Bahasa Inggeris</li> </ul>		
C2	Video rasmi berdurasi 5 minit		
C3	Video perlu ada 2D & 3D animasi		
<b>D</b>	<b>SPESIFIKASI DVD @ Thumbdrive</b>		
D1	2 salinan DVD, mpeg & Mov.file		
<b>E</b>	<b>PEMBEKALAN GAMBAR DAN IMEJ</b>		
E1	Membekal gambar dan imej dalam anggaran <b>100</b> keping merangkumi: <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Gambar berkaitan PKS</li> <li>b) Imej dari <i>Image bank</i></li> <li>c) Ilustrasi <i>Vector</i></li> </ol>		
<b>F</b>	<b>PEMBEKALAN VIDEO KORPORAT SME CORP. MALAYSIA</b>		
F1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyerahkan <b>dua (2)</b> salinan DVD, mpeg &amp; Mov.file kepada SME Corp. Malaysia.</li> <li>• Menyerahkan Salinan Induk (<i>Master Copy</i>) (fail yang boleh diedit semula) kepada SME Corp. Malaysia.</li> <li>• Menyerahkan salinan rakaman video bangunan SME Corp. Malaysia &amp; Hab PKS dalam format mpeg.</li> </ul>		

**Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar.**

.....  
 Nama :  
 Jawatan :  
 Tarikh :  
 Cop Syarikat :